



# SMK KUBU GAJAH 34130 SELAMA, PERAK

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019

### TASAWWUR ISLAM

5226/2

Kertas 2

OGOS

2019

2 ½ Jam

Dua jam tiga puluh minit

### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan .*
2. ***Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan dari mana-mana soalan berikutnya.*
3. *Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.*
4. *Jawapan hendaklah ditulis pada dalam kertas yang disediakan.*

Disediakan oleh

Disemak oleh

.....

.....

Ketua Panitia Tasawwur Islam

Guru Kanan Kemanusiaan

Disahkan oleh

.....

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak

**Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Apakah maksud uluhiyyah ? [2 markah]  
 (ii) Nyatakan **dua** konsep uluhiyyah . [4 markah]  
 (b) Jelaskan **dua** peranan rasul. [4 markah]  
 (c) Terangkan **dua** tanggungjawab manusia terhadap sesama manusia. [4 markah]

Proses kejadian manusia menurut sains selari dengan al Quran.

- (d) Kemukakan pandangan anda. [6 markah]
- 2 (a) (i) Senaraikan **empat** ciri agama langit [4 markah]  
 (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara agama langit dengan agama budaya [4 markah]

Di antara prinsip waqi'iyah ialah menekankan kesederhanaan supaya manusia dapat mengimbangi kehidupan dunia dan akhirat.

- (b) (i) Jelaskan contoh kesederhanaan dalam aspek ibadat. [2 markah]  
 (ii) Nyatakan **dua** aktiviti yang boleh meningkatkan budaya ilmu berdasarkan waqi'iyah ? [4 markah]

- (c) Maksud ayat:  
 Alif Lam Mim . Inilah al-kitab yang tiada keraguan padanya.  
 ( Surah al-Baqarah : 1-2)

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan al-kitab dalam maksud ayat ini.? [ 1 markah]  
 (ii) Mengapakah al-kitab menjadi pegangan kepada golongan orang yang bertakwa? [ 5 markah ]

- 3 (a) Setiap individu mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan kerana ia adalah satu amanah  
Nyatakan dua tanggungjawab rakyat terhadap pemimpin [2 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** matlamat diwujudkan sistem kehakiman dalam Islam [4 markah]  
(ii) Terangkan **dua** prinsip kehakiman dalam Islam [4 markah]
- (c) (i) Terangkan **dua** etika seseorang hakim ketika menjatuhkan hukuman terhadap pesalah [4 markah]

- (ii) “Saya pernah bersama Abu Bakrah di bawah mimbar Ibnu Amir yang sedang berkhotbah sambil mengenakan pakaian tipis. Abu Bilal berkata : Lihatlah pemimpin kita, dia mengenakan pakaian orang-orang fasik. Abu Bakrah menegurnya seraya berkata: Diamlah, saya mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Barang siapa yang menghina pemimpin di muka bumi, nescaya Allah akan menghinakannya”

*(Maksud al Hadis - Lihat Shahih Sunan Tirmidzi: 1812 oleh Albani)*

Pada pandangan anda , ramalkan situasi yang akan berlaku jika saranan hadis di atas tidak dihayati oleh rakyat Malaysia. [6 markah]

4. (a) Bekerja mencari nafkah adalah termasuk dalam ibadah sekiranya memenuhi syarat-syaratnya  
Jelaskan **dua** syarat pekerjaan menjadi ibadat. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan pengertian muamalah menurut Islam. [2 markah]  
(ii) Muamalah sangat penting dalam kehidupan manusia.  
Jelaskan **dua** kesan pengabaian muamalah kepada individu. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** keperluan kepelbagaian jenis muamalah kepada kehidupan manusia. [4 markah]



- (c) (i) Apakah jenis muamalah Islam yang menepati gambar di atas. [ 1 markah]  
(ii) Mengapakah kita perlu mengamalkan sistem muamalah tersebut. [ 5 markah]

- 5 (a) (i) Apakah maksud hukum harus. [2 markah]  
 (ii) Jelaskan **dua** hikmah penetapan hukum harus dalam Islam. [4 markah]  
 (b) Jelaskan **dua** tanggungjawab anak terhadap ibu bapa yang sudah uzur. [4 markah]

Kegiatan berlumba motosikal secara haram kian menjadi-jadi di Kampung Bahagia. Sikap anak-anak muda di kampung itu menimbulkan kemarahan dalam kalangan penduduk setempat.

- (c) (i) Nyatakan bentuk hukuman takzir yang bersesuaian terhadap mereka? [1 markah]  
 (ii) Huraikan alasan anda. [5 markah]  
 (d) Jelaskan **dua** kepentingan hukum jenayah Islam terhadap negara. [4 markah]
- 6 (a) (i) Apakah maksud perpaduan ummah? [2 markah]  
 (ii) Jelaskan **dua** akibat tiada perpaduan dalam masyarakat [4 markah]  
 (b) Huraikan **dua** langkah bagi mengatasi masalah kemiskinan. [4 markah]  
 (c) Jelaskan **dua** langkah bagi mengatasi gejala penularan gula-gula ala rokok yang melanda golongan pelajar ketika ini [4 markah]

Ahmad dan Ali merupakan kawan baik kelas 2 Alpha di SMK Suka Mari. Ali merupakan bendahari kelas yang menyimpan duit kelas bagi tahun 2019. Jumlah kutipan sehingga bulan JUN 2019 berjumlah RM 780.00.  
 Satu hari, Ahmad ingin meminjam wang kelas dari Ali sebanyak RM 500 bagi membeli telephon idamannya. Ali menjelaskan akan membayar kembali wang yang dipinjam pada bulan berikutnya.

- (d) Kemukakan pandangan anda berdasarkan situasi di atas. [6 markah]

- 7 (a) Islam telah menetapkan beberapa peraturan dalam pemilikan harta.
- (i) Jelaskan **dua** peraturan dalam pemilikan harta [4 markah]
  - (ii) Terangkan **dua** tujuan Allah membataskan hak milik harta. [4 markah]
- (b) (i) Islam melarang menceroboh harta orang lain kerana perbuatan itu dapat menimbulkan huru hara dalam masyarakat  
Jelaskan langkah untuk membendung pencerobohan harta dalam Islam. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan bekerja terhadap pembangunan negara [4 markah]
- (c) 

Ketika Hamdan berada di dalam tandas awam, tiba-tiba kedengaran nada dering bacaan al-Quran dari bilik tandas sebelah.
--
- Berikan ulasan anda berdasarkan pandangan Islam dan buat rumusan. [6 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**